



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2025 KESUMA BERSAMA PIHAK INDUSTRI DAN PEMEGANG TARUH PADA 28 OGOS 2024 DAN SESI DIALOG BELANJAWAN 2025 : MEMPERKASA BAKAT WANITA PADA 29 OGOS 2024

1. Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong telah mengetuai Sesi Libat Urus Belanjawan 2025 KESUMA Bersama Pihak Industri dan Pemegang Taruh di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur pada 28 Ogos 2024.
2. Seramai lebih 1200 peserta telah menghadiri sesi libat urus tersebut yang melibatkan 553 pihak industri dan pemegang taruh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Pihak industri dan pemegang taruh yang hadir terdiri daripada wakil kementerian, agensi, para akademik, syarikat swasta, syarikat gig (e-hailing dan p-hailing), badan berkanun, persatuan, badan bukan kerajaan (NGO), wakil Pekerja dan majikan.
3. Dalam ucapan perasmian beliau, YB Menteri Sumber Manusia telah menjelaskan bahawa sesi libat urus ini merupakan forum bagi tujuan memberi peluang kepada semua pihak untuk mengemukakan input bagi merangka Belanjawan 2025. Pengumpulan input yang sebenar di lapangan akan memastikan draf Belanjawan 2025 yang disediakan adalah inklusif meliputi semua golongan masyarakat dan pemegang taruh KESUMA.
4. Beliau turut menekankan bahawa semua inisiatif dan langkah proaktif yang dilaksanakan oleh KESUMA adalah berlandaskan prinsip 3K iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan. Prinsip 3K merupakan tunjang dalam pengurusan perburuhan negara bagi mewujudkan keharmonian dalam industri, dan seterusnya meningkatkan produktiviti melalui peningkatan kemahiran secara berterusan.
5. Input dan pandangan yang diterima daripada semua yang terlibat akan diteliti untuk dibentangkan kepada Kementerian Kewangan sebagai Inisiatif Bajet KESUMA 2025.

6. Antara usaha yang dipergiatkan oleh KESUMA adalah termasuk pengenalan Dasar Gaji Progresif sebagai satu langkah ke hadapan bagi menzahirkan hasrat ini. Selaras dengan pengumuman pelarasan gaji penjawat awam oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 pada 16 Ogos 2024 lalu, KESUMA di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) turut memberi fokus kepada sektor swasta dengan melaksanakan kajian kadar gaji minimum baharu yang dijangka akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri seawal bulan September 2024 yang akan datang.
7. Selain itu, KESUMA juga sedang dalam proses merangka Dasar Sumber Manusia Negara (DSMN) yang akan meliputi perancangan pembangunan modal insan yang holistik dengan mengambil kira keperluan setiap golongan pekerja seperti belia, wanita dan warga emas bagi memastikan tenaga kerja negara bersedia menghadapi cabaran pasaran buruh di masa hadapan. Dasar ini akan menggariskan strategi dan memberi penekanan kepada isu-isu perburuhan yang penting seperti agenda negara menua, aspek pembangunan bakat digital, pemerkasaan kemahiran dan agenda pembangunan pekerjaan hijau selaras dengan hala tuju untuk mewujudkan ekosistem tenaga kerja yang produktif dan berdaya saing.
8. KESUMA juga sedang dalam proses membangunkan Rang Undang – Undang Khusus Untuk Pekerja GIG 2024. Akta baharu ini akan diwujudkan khusus untuk menjaga hak dari segi undang-undang bagi pekerja gig di Malaysia. Perkara ini adalah selaras dengan saranan Pertubuhan Buruh Kebangsaan (ILO).
9. Satu lagi sesi libat urus yang telah berlangsung adalah *Sesi Dialog Belanjawan 2025: Memperkasa Bakat Wanita*, melibatkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dengan kerjasama Kementerian Kewangan. Sesi tersebut telah dianjurkan oleh Talent Corporation iaitu salah sebuah agensi dibawah KESUMA dan telah diadakan pada 29 Ogos 2024 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.
10. Kerajaan mengakui bahawa golongan wanita merupakan penyumbang yang penting kepada kemajuan ekonomi negara, dan dialog ini dianjurkan dengan tujuan khusus untuk memperkasa tenaga kerja wanita serta meningkatkan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi negara.
11. Dialog ini telah menyaksikan penyertaan seramai 300 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), industri, persatuan majikan dan pekerja, akademik serta orang ramai. Pihak kerajaan akan turut meneliti semua maklum balas dan cadangan yang dikemukakan dalam sesi ini sebagai panduan penting dalam merangka Belanjawan 2025.
12. Tiga fokus utama yang ditekankan dalam sesi dialog ini adalah: pengukuhan Dasar Wanita Negara dan isu-isu struktur, penyelarasan inisiatif program wanita di peringkat pusat dan negeri serta galakan dan rangsangan penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan.

13. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan dalam sesi dialog tersebut adalah seperti; fasiliti penjagaan kanak-kanak dan warga tua, peningkatan jumlah cuti paterniti, pelaksanaan waktu kerja anjal atau *flexible work arrangement (FWA)*, diskriminasi berlandaskan gender serta inisiatif bagi menggalakan golongan wanita untuk kekal aktif dalam pasaran buruh.
14. YB Menteri Sumber Manusia telah memberi jaminan pada para peserta sesi dialog tersebut bahawa KESUMA akan memeliti kesemua isu yang dibangkitkan agar keterlibatan wanita dalam pasaran buruh negara terbela dan kekal relevan. Beliau juga telah memaklumkan bahawa KESUMA sedang meneliti pembangunan TVET khas untuk meningkatkan keterlibatan wanita dalam pekerjaan yang berasaskan kemahiran. Pada masa yang sama, YB Menteri Sumber Manusia juga turut memaklumkan bahawa pindaan terkini terhadap Akta Kerja 1955 meliputi pindaan Seksyen 60(L) berkaitan larangan diskriminasi dalam pekerjaan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
30 OGOS 2024

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	